



Pertemuan hampir dua jam antara Dr Mahathir dan Muhyiddin malam kelmarin. (Foto ihsan FB Muhyiddin Yassin)

Tun M, Muhyiddin bertemu selepas 3 tahun 'bermusuh'

Perjumpaan bincang gerakan Proklamasi Orang Melayu

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas tiga tahun 'bermusuh' disebabkan Langkah Sheraton, dua bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin bertemu semula malam kelmarin atas nama penyatuan orang Melayu.

Difahamkan, kedua-dua pemimpin berkenaan mengadakan pertemuan hampir dua jam di kediaman Dr Mahathir di sini, bagi membincangkan gerakan Proklamasi Orang Melayu.

Pertemuan mereka dipercayai yang pertama sejak Langkah Sheraton pada 2020 yang membawa kepada kejatuhan kerajaan Pa-

katan Harapan (PH) dipimpin Dr Mahathir selepas Muhyiddin yang ketika itu Presiden BERSATU bersama beberapa pemimpin partinya dan PH keluar kerajaan.

Muhyiddin kemudian dilantik sebagai Perdana Menteri menggantikan Dr Mahathir.

Pertemuan Dr Mahathir-Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) menyusul sehari selepas kunjungan Pengerusi PN Selangor, Datuk Seri Azmin Ali ke atas Dr Mahathir.

Pertemuan itu turut dihadiri Pengerusi Sekretariat Proklamasi Orang Melayu, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan.

Beri semangat baharu

Khairuddin dalam satu kenyataan berkata, pertemuan dua tokoh Melayu itu akan memberi semangat baharu kepada gerakan Proklamasi Orang Melayu bagi memacu agenda serta menguatkan kedudukan anak bangsa.

"Kedua tokoh pemimpin Melayu ini sanggup ketepikan se-

gala perbezaan fahaman politik lampau demi menjamin kelangsungan perjuangan untuk memperkasakan kedudukan orang Melayu.

"Sifat terpuji Dr Mahathir dan Muhyiddin bakal menjadi satu sandaran baharu kepada keseluruhan orang Melayu yang amat 'dahagakan' penyatuan atau perpaduan Melayu secara mutlak," katanya.

Sebelum ini, Dr Mahathir menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan Muhyiddin pada Pilihan Raya Negeri (PRN).

Dalam reaksi balas, Muhyiddin juga menyatakan kesediaan bekerjasama dengan Dr Mahathir demi memperjuangkan nasib orang Melayu dan Islam.

Sementara itu, Muhyiddin dalam kenyataan semalam mengesahkan mengadakan pertemuan empat mata dengan Dr Mahathir, malam kelmarin.

Tanpa menyebut lokasi pertemuan, Muhyiddin berkata, pertemuan mereka berjalan dalam suasana yang mesra dan saling hormat-menghormati.